

**SOALAN NO: 52**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN WONG LING BIU**

**TARIKH: 16 MAC 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Ling Biu [ Sarikei ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah buruh yang datang dari negara-negara luar ke negara Malaysia. Berapa lama masa yang perlu diambil oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak untuk meluluskan levi selepas semua prosedur dan dokumen lain telah lengkap apabila sesebuah syarikat ingin mendapatkan tenaga buruh.

**PR-1331-L66984**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Sehingga akhir bulan Disember 2014, terdapat seramai 2,073,414 pekerja asing yang memiliki Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sedang bekerja di Malaysia. Ini termasuk, seramai 152,525 pekerja bukan pemastautin yang sedang bekerja di Sarawak. Pekerja asing ini bekerja di sektor pembinaan, pekilangan,

perkhidmatan, perladangan, pertanian dan juga sebagai pembantu rumah.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Dasar Pengambilan Pekerja Bukan Pemastautin di negeri Sarawak adalah untuk memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan. Namun demikian mana-mana majikan yang tidak dapat merekrut pekerja tempatan yang mencukupi untuk mengisi keperluan tenaga kerja boleh memohon pekerja bukan pemastautin dari Negara Sumber yang ditetapkan bagi sektor yang berkenaan.
3. Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak mempunyai *Standard Operating Procedures (SOP)* bagi pengurusan pengambilan pekerja bukan pemastautin. Di samping itu, JTK Sarawak juga tertakluk kepada sebarang Arahan Jabatan dan dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dari masa ke semasa.
4. Di Sarawak, terdapat Jawatankuasa yang bertindak sebagai *one stop committee* di mana ahlinya terdiri daripada wakil agensi-agensi yang berkaitan untuk mempertimbangkan sebarang permohonan daripada majikan.
5. Mengikut *Standard Operating Procedures (SOP)* JTK Sarawak, semua majikan yang berminat menggaji pekerja dari luar Negeri wajib mengambil tiga (3) tindakan seperti berikut sebelum

permohonan boleh dipertimbangkan dengan tujuan untuk memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

- (a) mengiklankan kekosongan dalam surat khabar tempatan pada hari ahad;
- (b) mengiklankan jawatan kosong dalam portal JobsMalaysia dan juga radio tempatan ; dan
- (c) mengadakan temuduga di Pejabat Tenaga Kerja yang terdekat

Tuan Yang Di Pertua,

6. Tempoh memproses permohonan Surat Kelulusan Secara Dasar (AP) (*bukan Levi*) adalah dua (2) bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima oleh Jabatan ini. Bagi Lesen baru di bawah kelulusan AP atau Pembaharuan Lesen kelulusan diberi dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) berapa belanja yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan dalam mengendalikan kes mahkamah Sodomi I dan Sodomi II yang melibatkan YB. Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim; dan
  
- (b) pernahkah Kerajaan menggunakan khidmat peguam luar Kerajaan bagi menjadi Pendakwa bagi pihak Kerajaan sebelum kes Sodomi II. Dan berapakah jumlah bayaran yang dibayar atau janji dibayar kepada Peguam Shafie Abdullah.

**JAWAPAN:** **YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan yang di-Pertua,

1. Bagi pendakwaan kedua-dua kes liwat terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim, tiada pengiraan dibuat bagi meneliti perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan.
2. Selain daripada jumlah yuran guaman yang dipersetujui antara Jabatan Peguam Negara dan Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah bagi kes yang didengarkan di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, tiada bayaran tambahan lain selain daripada gaji, elaun dan tuntutan-tuntutan biasa seperti tuntutan perjalanan dan sebagainya oleh kakitangan Jabatan Peguam Negara yang terlibat secara langsung dalam kes terbabit.
3. Untuk makluman, Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah bukanlah peguam luar pertama yang dilantik untuk mewakili pihak pendakwaan. Mendiang David Marshall dan Dato' Dr. Cyrus Das pernah diberikan kebenaran untuk mewakili pihak pendakwaan. Kali terakhir seorang peguam bela dilantik untuk bertindak bagi pihak Pendakwa Raya sebelum ini ialah pada tahun 2010 apabila peguam bela Encik Tan Hock Chuan dilantik bagi tujuan inkues mendiang Teoh Beng Hock.
4. Ingin dimaklumkan bahawa pendedahan jumlah bayaran atas perkhidmatan Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah hanya boleh dibuat atas persetujuan kedua-dua pihak yang terlibat iaitu

Jabatan PEGUAM NEGARA DAN TAN SRI DR. MUHAMMAD SHAFEE BIN  
ABDULLAH SENDIRI.

5. Sehubungan dengan itu, berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak terbabit, adalah dimaklumkan bahawa jumlah bayaran atas perkhidmatan yang diberikan oleh Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah adalah sebanyak RM1,000.

Sekian, terima kasih.